



**MCCA**

MALAYSIAN  
CRIMINOLOGICAL  
& CORRECTIONAL  
ASSOCIATION


Pertubuhan Kriminologi & Koreksional Malaysia

JENAYAH DIBANTERAS, KOREKSIONAL DIPERKASA

ISU 1 / 2021

# BULETIN MINDA MCCA

JENAYAH, PEMULIHAN & KOREKSIONAL



[www.mcca.my](http://www.mcca.my)

# KANDUNGAN

## BULETIN MINDA MCCA

### MUKA SURAT

- |                  |                               |                              |  |
|------------------|-------------------------------|------------------------------|--|
| <b>01</b>        | <b>02</b>                     | <b>03</b>                    | <b>04</b>  |
| SIDANG EDITORIAL | KATA-KATA ALUAN PRESIDEN MCCA | KATA-KATA ALUAN KETUA EDITOR | PERTUBUHAN KRIMINOLOGI DAN KOREKSIONAL MALAYSIA (MCCA) |

### ARTIKEL 1

- 05**  
PENYALAHGUNAAN METHAMPHETAMINE DI MALAYSIA  
*MUHAMMAD DHAMIR AUDI AZIZUL*

### ARTIKEL 2

- 07**  
FUTURE DIRECTIONS OF FORENSIC LINGUISTICS IN MALAYSIA  
*NURSHAFAWATI AHMAD SANI*

### ARTIKEL 3

- 09**  
IS PRONOGRAPHY TO BE BLAMED FOR RAPE?  
*LIM YEONG YEONG*

### ARTIKEL 4

- 11**  
CEGAH DARI REBUNG: KENALPASTI RISIKO TINGKAH LAKU JENAYAH DENGAN PENDEKATAN PERKEMBANGAN PSIKOLOGI  
*NURHAFIZAH RAMLI*

### ARTIKEL 5

- 15**  
THE PLIGHT OF STATELESS AND UNDOCUMENTED CHILDREN IN THE CRIMINAL JUSTICE SYSTEM  
*NURUL RAFFEEQA AFDUL MUTOLIP*

### ARTIKEL 6

- 17**  
COMBATING CYBERBULLYING IN MALAYSIA: CHALLENGES AND INITIATIVES  
*NADIAH SYARIANI MD SHARIFF*

### ARTIKEL 7

- 19**  
BANDUAN WANITA DAN MOTIF JENAYAH  
*SITI NURKHAIRINA MOHD NOR*

### ARTIKEL 8

- 21**  
ISU RESIDIVISME DALAM KALANGAN BEKAS BANDUAN  
*THARSHINI, N.K*

### ARTIKEL 9

- 23**  
KEGANASAN RUMAHANGGA- BUDAYA 'JANGAN JAGA TEPI KAIN ORANG' HARUS DIHENTIKAN  
*NURUL RAFFEEQA AFDUL MUTOLIP*

### ARTIKEL 10

- 25**  
IMPAK MASALAH JENAYAH PECAH RUMAH TERHADAP KESEJAHTERAAN HIDUP MASYARAKAT  
*NURFARHANA ABD MALEK*

### ARTIKEL 11

- 27**  
LAWATAN KELUARGA: SOKONGAN KELUARGA SEMASA PEMENJARAAN  
*KAUSALYA DEVI A/P SATHOO*

**30**

ARTIKEL 12

PROSES KEPULIHAN DADAH: DI MANA PERANAN KOMUNITI?  
*NUR ALISA ALIA'M*

**33**

ARTIKEL 13

HAK KANAK-KANAK DALAM SISTEM KEADILAN JENAYAH  
DI MALAYSIA: SUATU TINJAUAN RINGKAS PERUNDANGAN  
*SARAVANAN MEYAPPAN*

**35**

ARTIKEL 14

PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN  
(AMLA)  
*MUHAMAD NAZRI SHAI'DON*

**37**

ARTIKEL 15

PENGURUSAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DARI PERSPEKTIF  
PEKERJA SOSIAL PERUBATAN  
*SITI ZAILA HUSIN, KHADIJAH ALAVI DAN NURFARAHIZZATI  
ZAKARIA*





**BULETIN MINDA MCCA  
ISU 1/2021**

# *Sidang* EDITORIAL

**PRESIDEN:**

**PROF. MADYA DR. MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN**

**TIMBALAN PRESIDEN:**

**DR. NORRUZEYATI CHE MOHD NASIR**

**KETUA EDITOR:**

**PROF. MADYA DATIN DR. FAUZIAH IBRAHIM**

**EDITOR:**

**DR. ZAITON AZMAN**

**DR. HABIBIE HJ IBRAHIM**

**PUBLISITI & PENJENAMAAN:**

**DR. HEZZRIN MOHD PAUZI**

**GRAFIK & REKA BENTUK:**

**CIK FATIN ADHA MURAD**

eISSN 2811-3381



© Hakcipta Pertubuhan Kriminologi dan Koreksional Malaysia (MCCA),  
2021. Hakcipta Terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam sebarang bentuk, kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis dari Pertubuhan Kriminologi dan Koreksional Malaysia (MCCA) terlebih dahulu.

# *KATA-KATA ALUAN* **PRESIDEN**

Assalamualaikum, salam sejahtera.

Alhamdulilah dan syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan izinNya tahun 2021 telah berjaya kita harungi dengan penuh tabah walaupun berhadapan dengan penularan wabak pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Ketua Editor, ahli jawatankuasa dan semua para penyumbang makalah di atas penerbitan siri pertama Buletin MINDA MCCA pada tahun 2021 ini. Semoga Buletin MINDA MCCA yang diterbitkan ini dapat dijadikan sebagai satu platform ilmiah yang penting untuk menyuarakan pandangan, idea dan cadangan bernes bagi membantu negara menangani aspek-aspek yang berkaitan dengan isu yang menjadi tema Buletin kali ini iaitu “Jenayah, Pemulihan dan Koreksional”.

Sekian Terima Kasih.

“Jenayah Dibanteras, Koreksional Diperkasa”

PROF. MADYA DR MOHAMMAD RAHIM  
KAMALUDDIN  
Presiden MCCA



# *KATA-KATA ALUAN*

# *KETUA EDITOR*

Assalamualaikum, salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, pihak MCCA julung kalinya telah berjaya menerbitkan Buletin MINDA MCCA bagi tahun 2021. Tujuan penghasilan Buletin MINDA MCCA ini adalah sebagai satu inisiatif, medium perkongsian dan penyebaran maklumat tentang isu-isu kritikal negara dalam bidang kriminologi dan koreksional. Tema Buletin MINDA MCCA siri pertama tahun 2021 adalah "Jenayah, Pemulihan dan Koreksional". Diharapkan perkongsian hasil karya dan maklumat dalam Buletin MINDA MCCA ini dapat membantu pihak yang berkepentingan dalam menyediakan pelan strategik, intervensi dan pencegahan isu-isu berkaitan dengan jenayah, pemulihan dan koreksional di Malaysia.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa yang terlibat dengan Buletin MINDA MCCA serta para penyumbang yang telah menyumbangkan artikel, idea dan tenaga dalam menghasilkan Buletin pada tahun ini.

Sekian Terima Kasih.  
"Jenayah Dibanteras, Koreksional Diperkasa"

PROF. MADYA DATIN DR. FAUZIAH IBRAHIM  
Ketua Editor  
Buletin MINDA MCCA



# PERTUBUHAN KRIMINOLOGI DAN KOREKSIONAL MALAYSIA (MCCA)

Nama Pertubuhan:

**Pertubuhan Kriminologi dan Koreksional Malaysia**  
(MCCA : Malaysian Criminological and Correctional Association)

## Matlamat Penubuhan:

Bertujuan untuk memperkasakan dua bidang kritikal di Malaysia iaitu Kriminologi dan Koreksional. Kriminologi merupakan bidang di bawah disiplin sosiologi yang mengkaji tentang jenayah, mangsa jenayah serta perilaku jenayah manakala Koreksional pula meliputi bidang pemulihan, intervensi dan rehabilitasi untuk kumpulan sasaran.

## Objektif Penubuhan:

- Penyelidikan:** mensasarkan aspek penyelidikan berimpak tinggi berkaitan jenayah dan pemulihan untuk aspek penguatkuasaan, pembinaan dasar dan polisi negara.
- Pendidikan:** memupuk kesedaran, meningkatkan pengetahuan dan aktiviti pencegahan jenayah di Malaysia.
- Pemulihan:** membantu memperkasakan sistem pemulihan dan pengintegrasian sosial serta rawatan, rehabilitasi dan intervensi kumpulan sasaran.

## Kumpulan Sasaran:

Banduan, bekas banduan, kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, pesalah muda, pelaku jenayah, mangsa jenayah, individu yang berisiko dan mereka yang melanggar undang-undang dan norma-norma masyarakat (anti-sosial).

## Keahlian MCCA:

terdiri daripada ahli akademik dari Universiti Awam dan juga agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN).

# PENYALAHGUNAAN METHAMPHETAMINE DI MALAYSIA

## PENGENALAN

Era pascaglobalisasi telah menyaksikan fenomena penyalahgunaan dadah sintetik sebagai isu psiko-sosial dalam masyarakat global semasa (Flora & Stalikas, 2012). Menerusi sasaran ketiga dalam the 2030 Agenda for Sustainable Development iaitu menjamin kehidupan yang sihat dan mempromosikan kesejahteraan mental manusia, aspek Pencegahan penyalahgunaan bahan narkotik dan alkohol turut diperkasakan. Mutakhir ini, fenomena penyalahgunaan Methamphetamine menjadi ancaman terbesar dunia melalui kaedah penagihan secara suntikan dan merokok (United Nations Office on Drugs and Crime, 2015). HealthDay News bertarikh 3 Januari 2020 yang bertajuk "A.S. Saw Big Rise in Methamphetamine, Fentanyl Use in 2019" oleh Mundell menyatakan penyalahgunaan methamphetamine merupakan ancaman terbesar di Amerika Syarikat. Impak penyalahgunaan methamphetamine yang kronik sangat berkaitan dengan masalah kesihatan mental seperti depresi, psikosis dan skizofrenia (Potvin, Pelletier, Grot, Hebert, Barr, & Lecomte, 2018).

Kemerosotan kognitif terjadi disebabkan gangguan dalam pembuatan keputusan dan pengawalan tindakan kerana aspek perhatian serta memori berfungsi secara sederhana (Potvin et al., 2018). Kesan kepada kemerosotan kognitif adalah seperti kehilangan ingatan dan pengalaman lampau, kesusahan untuk mempelajari perkara baru, ketidakmampuan untuk menilai dan keterampilan sosial yang lemah. Selain kemerosotan kognitif, kemurungan, kegelisahan, dan paronia juga adalah kesan utama penyalahgunaan methamphetamine sehingga berlakunya tindakan membunuh diri (Potvin et al., 2018).



Muhammad Dhamir Audi bin Azizul

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan  
Pembangunan  
Universiti Putra Malaysia  
Email: audiazizul91@gmail.com

## PENYALAHGUNAAN METHAMPHETAMINE DI MALAYSIA

Di Malaysia, terdapat rangkaian isu yang melibatkan penyalahgunaan methamphetamine ini. Antaranya statistik peningkatan penyalahgunaan methamphetamine crystalline yang bermula pada tahun 2015 iaitu sebanyak (30.5%) kes sehingga tahun 2019 iaitu sebanyak (50.0 %) kes berdasarkan laporan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Selain itu, isu intervensi secara psiko-stimulan dan psiko-sosial terhadap pengguna methamphetamine sangat terhad (Potvin et al., 2018). Beberapa kes jenayah juga turut terjadi pada 11 Februari



2021, apabila seorang bapa tiri telah ditahan kerana membunuh seorang kanak-kanak perempuan berusia 4 tahun di Gemas, Negeri Sembilan. Selain itu pada tahun 2020, seorang cucu yang positif methamphetamine telah membunuh neneknya di Kuching, Sarawak kerana neneknya enggan memberikan wang. Kedua-dua kes di atas telah membuktikan suspek adalah positif dadah jenis methamphetamine dan mempunyai rekod kesalahan jenayah lampau. Berdasarkan perbincangan pada 5 Mac 2021 bersama Puan

Rozita iaitu ketua pegawai AADK Kuala Pilah, beliau menyatakan kebimbangannya terhadap penyalahgunaan methamphetamine yang semakin meluas dan kajian intervensi secara mendalam harus dilaksanakan. AADK ternyata sudah memberikan keberkesanan intervensi yang terbaik namun, penggubalan intervensi yang menarik dan bertepatan dengan revolusi industri 4.0 perlu diteliti supaya statistik penagihan methamphetamine berjaya dikurangkan.

## RUJUKAN

- Flora, K., & Stalikas, A. (2012). Factors affecting substance abuse treatment in Greece and their course during therapy. *Addictive behaviours*, 37(12), 1358-1364.
- Potvin, S., Pelletier, J., Grot, S., Hebert, C., Barr, A. M., & Lecomte, T. (2018). Cognitive deficits in individuals with methamphetamine use disorder: A meta-analysis. *Addictive behaviours*, 80, 154-160.
- Tan, S., & Liu, D. (2016). A review of the Chinese literature on cognitive remediation in psychosis. *Asian journal of psychiatry*, 22, 129-134.
- World Health Organization (WHO). (2015). United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC). Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS).

## KESIMPULAN

Penulis mencadangkan pembangunan intervensi kognitif terhadap pengguna methamphetamine dengan melibatkan industri, inovasi dan infrastruktur melalui terapi pemulihan kognitif berkomputer atau Computerized Cognitive Rehabilitation Therapy (CCRT). Terapi ini membantu untuk meningkatkan kefungsian psikologi terhadap penagih methamphetamine yang mengalami skizofrenia. Kefungsian psikologi penagih dapat dipulihkan melalui kemahiran penyelesaian masalah interpersonal, proses ingatan dan perhatian, kemahiran organisasi dan fungsi eksekutif. CCRT merupakan sebuah siri latihan berasaskan komputer di mana klien mengambil bahagian dalam satu siri aktiviti sebagai sebuah permainan (Tan & Liu, 2016). Matlamat utama CCRT adalah untuk melatih otak memproses maklumat dan mencari perbezaan, corak dan logik. Terapi ini boleh dilakukan secara langsung dengan ahli terapi dengan aplikasi telefon pintar atau komputer. Kakitangan AADK, pensyarah psikologi, pekerja sosial dan pakar psikiatri juga boleh berganding bahu dalam mengukuhkan sistem terapi ini di Malaysia. Kesan pemulihan CCRT ini mengambil masa beberapa minggu setelah latihan rawatan selesai. Penyalahgunaan Methamphetamine di Malaysia bakal berada di tahap pandemik sekiranya penyelidikan dan intervensi lanjutan kurang ditumpukan. Oleh itu, sebuah modul intervensi acuan Malaysia khasnya untuk pengguna methamphetamine yang menumpukan daripada pendekatan tindakan (action-oriented) kepada penyesuaian tahap perubahan penagih (stage-matched intervention) wajar dilaksanakan.



# FUTURE DIRECTIONS OF FORENSIC LINGUISTICS IN MALAYSIA



Nurshafawati binti Ahmad Sani

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,  
Universiti Sultan Zainal Abidin,  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala  
Nerus, Terengganu Darul Iman  
Email: shafawatisani@unisza.edu.my

## FORENSIC LINGUISTICS

Over recent years there have been many theoretical and practical discussions regarding language and its usefulness in solving crime. Language has a central role in realising and exercising power in law as well as facilitating human interaction. In other words, language also plays a vital part in solving crime and correctional issues. Forensic Linguistics is the branch of applied linguistics that is concerned with the interface between language and law (Coulthard, May and Soussa-Silva, 2020). It encompasses a wide range of topics including, but by no means limited to, the language of police interviews and prisoners, language use in the courtroom, legal language and the comprehensibility of legal language such as the police caution. The field is also concerned with the authenticity and credibility of languages in forensic contexts, such as in the authorship analysis of various texts, including SMS text messages, ransom demands, suicide notes, terrorist manifestos and disputed confessions.

# IDEAL AND FUNCTIONAL COMMUNICATION MODEL

It is a platitude that “the law is language” (Butters, 2011) because lawyers, courts, and law-enforcement agencies directly engage with speech and writing in their communication or discourse. Criminologists are no exception because they deal with various forms of behaviour that bring forth some forms of social sanctions (Newburn, 2017). Their targeted clients are mostly, but not limited to, prisoners, former inmates, vulnerable victims, juveniles and others. Forensic linguistics brings linguistic insights, techniques and understanding to legal practice: police investigations, courtroom discourse, judicial procedures, authorship analysis, plagiarism and phonetics forensics (Coulthard, Johnson & Wright, 2016). Forensic linguistics aims to provide solutions to problems and issues related to crimes and law for different audiences. In Malaysia, though Forensic Linguistics is in its infancy (Ahmad Sani, 2019), it can be a helpful instrument to solve a crime and meet the fundamental objective of corrections to promote legality and humanity principles.

From my observation, it is found that there is no comprehensive linguistic and communication model to offer the best practices when communicating law and legal rights to the clients. For example, any police officers may interview sexual assault or vulnerable victims if they have attended at least one of the training organised by the Child Interview Centre (CIC). Concerning linguistic competence, no specific qualification is needed to be an investigative interviewer for such cases, which might lead to an underqualified interviewer who is not knowledgeable of vulnerable victim’s development and psychological states. Forensic linguistics may offer insights to investigative interviewers to conduct the best interview strategies that may lessen the trauma of sexual assault or vulnerable victims. It can be achieved via a functional investigative interview framework that may enhance special measures applications and promote a fair investigation to vulnerable and intimated victims. Consequently, it can significantly create peace, justice, and strong institutions apart from criminologists and correctional approaches to solve crime issues.

## CONCLUSION

As a profession, we are working towards a utopian future where anyone who is arrested both understands and can claim their rights; where anyone who needs the help of an interpreter can have one and where the prejudicial effect of interpreting on the legal process is reduced to an absolute minimum; where all legally significant interactions are audio- or video-recorded; and where all expert opinions, whether on the origin of an asylum speaker, the authorship of a disputed text, the comprehensibility of a text or the confusability of two trademarks, are reliable and reproducible (Coulthard & Johnson, 2007).

## REFERENCES

- Ahmad Sani, N. (2019). Questioning and Answering Strategies in Malaysian Criminal Proceedings: A corpus-based forensic discourse analysis [University of Leeds]. <http://etheses.whiterose.ac.uk/id/eprint/24325>
- Butters, R. R. (2011). Forensic linguistics. *Journal of English Linguistics*, 39(2), 196–202. <https://doi.org/10.1177/002202211403849>
- Coulthard, M., May, A. and Soussa-Silva, R. (2020) *The Routledge Handbook of Forensic Linguistics*. 2nd edn. Edited by M. Coulthard, A. May, and R. Soussa-Silva. Oxon: Routledge.
- Coulthard, Malcolm, Johnson, A., & Wright, D. (2016). *An introduction to forensic linguistics: language in evidence* (Second edi). Routledge.
- Coulthard, Malcom, & Johnson, A. (2007). *An introduction to forensic linguistics. Language in evidence*. Routledge.
- Newburn, T. (2017). *Criminology*. Taylor & Francis. <http://ebookcentral.proquest.com/lib/leeds/detail.action?docID=4799825>



## INTRODUCTION

Ted Bundy, an infamous serial killer, and rapist once said that without exception, those who are motivated to commit violent crimes are deeply influenced and addicted to pornography (Dobson & Bundy, 1989). Pornography refers to any sexually explicit materials intended to arouse (McKee et al., 2020). In 2019, there were 1,700 cases of rape reported in Malaysia, yet there are only a few cases that went to trial (Ariff, 2021). Rape includes all forced or coerced physical penetration of the vulva using any body parts or object (Krug et al., 2002). Unsurprisingly, one of the frequently regarded causes of rape is pornography (Aida, 2020; Sazili, 2017). However, to attribute pornography in such a manner oversimplifies the roots of the problem. Similar to other human behaviours, rape is complex and influenced by both internal and external factors.

This article will not discuss the factors contributing to rape but instead answers two critical questions on the relationship between pornography and rape.

# IS PORNO- GRAPHY TO BE BLAME FOR RAPE?



Lim Yeong Yeong

Department of Early Childhood Studies,  
Faculty of Creative Industries  
Universiti Tunku Abdul Rahman  
(Sg. Long Campus)  
Email: yylim@utar.edu.my



## Are rapists deeply involved with pornography?

In a survey among sexual offenders in Malaysia (Lim, 2021), 65 percent of sexual offenders, in general, reported being pornography users. Among the sexual offenders, 63 percent of rapists reported being pornography users. Around 16 percent of the sexual offenders and 10 percent of rapists use pornography daily (Lim, 2021). The most frequent pornography content consumed was those depicting adults. A small percentage of sexual offenders who engage in pornography engaged in violent (13 percent) and child (8 percent) pornography. Most of the sexual offenders from this study do not use pornography at the time of their offense (77 percent) (Lim, 2021). This report was not conclusive on whether pornography is the cause of rape or other sexual offending. A comparison between rapists or other sexual offenders and non-offenders is needed to understand the relationship between pornography and rape.

## Is there any difference in pornography usage between offenders and non-offenders?

Currently, there was no up-to-date research that compares pornography usage among rapists and non-offenders. This article will examine research on non-offending adults to compare with the data of sexual offenders (Lim, 2021) presented earlier. Research has shown that more than 80 percent of non-offending adult men use pornography (Miller et al., 2020). Even locally, the prevalence of pornography use was consistent with data from other countries. Local research indicated 75 percent of young adults reported to engage pornography (Zohor et al., 2021). Compared to sexual offenders (Lim, 2021), pornography usage among non-offenders does not show a distinctive difference. In examining the behaviour associated with pornography use among the non-offenders, pornography use was often associated with masturbation rather than perpetrating violent sexual behaviour on others (Miller et al., 2020). In addition, local research indicated there was no significant difference between pornography and risky sexual activity (Zohor et al., 2021).

## CONCLUSION

In summary, it is inaccurate to blame pornography as the cause of rape. The relationship between pornography and sexual offending, such as rape, is more complex. Research has also suggested no consistent relationship between pornography use and sexual offending (Mellor & Duff, 2019). Whereas in countries where pornography was previously forbidden, data on rape and sex crimes show no

increase even after legalization (Diamond, Jozifkova & Weiss, 2011). Inevitably, the rapist's predispositions for sexual violence need to be accounted for to understand the root of this behaviour. This article does not justify the usage of pornography as harmless. But instead, recommend a more critical way to understand rape or other sexual offenses and not oversimplifying them.

## REFERENCES

- Aida, R. N. F. (2020, December 12). Rakyat Bimbang Kes Jenayah Seksual Kian Meningkat. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my>
- Ariff, I. (2021, May 2). 120 Rape Cases Seen, But Only Three Went to Trial. Free Malaysia Today. <https://www.freemalaysiatoday.com>
- Diamond, M., Jozifkova, E., & Weiss, P. (2011). Pornography and Sex Crimes in the Czech Republic. *Archives of Sexual Behavior*, 40(5). <https://doi.org/10.1007/s10508-010-9696-y>
- Dobson, J., & Bundy, T. (1989). Fatal Addiction: Ted Bundy's Final Interview with Dr. James Dobson.
- Krug, E. G., Mercy, J. A., Dahlberg, L. L., & Zwi, A. B. (2002). The world report on violence and health. *Lancet* (London, England), 360(9339), 1083–1088. [https://doi.org/10.1016/S0140-6736\(02\)11133-0](https://doi.org/10.1016/S0140-6736(02)11133-0)
- Lim, Y. Y. (2021). Psychological and Criminological Profile of Sexual Offenders in Malaysia. Unpublished raw data.
- McKee, A., Byron, P., Litsou, K., & Ingham, R. (2020). An interdisciplinary definition of pornography: Results from a global Delphi panel. *Archives of sexual behavior*, 49(3), 1085-1091.
- Sazili, S. (2017, October 22). Ketagihan pornografi cetuskan pemangsa seksual. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my>
- Zohor Ali, A. A., Muhammad, N. A., Jamil, T. R., Ahmad, S., & Abd Aziz, N. A. (2021). Internet pornography exposures amongst young people in Malaysia: A cross-sectional study looking into the role of gender and perceived realism versus the actual sexual activities. *Addictive Behaviors Reports*, 14. <https://doi.org/10.1016/j.abrep.2021.100350>



Nurhafizah Ramli  
Mind Scheme Psychological Services  
(private practitioner), Psikologis Perkembangan  
Email: ms.nurhfzh@gmail.com

## **CEGAH DARI REBUNG: KENALPASTI RISIKO TINGKAH LAKU JENAYAH DENGAN PENDEKATAN PERKEMBANGAN PSIKOLOGI**



### **PENGENALAN**

Rata-rata pelaku jenayah yang dikenalpasti telah menunjukkan kriteria serta risiko salah laku sejak awal (Loeber & Farrington, 1998). Oleh itu, melentur buluh biarlah dari rebungnya. Selaras dengan makna yang dibawa oleh peribahasa tersebut, cegah dari rebung merujuk kepada tindakan yang boleh diambil oleh semua pihak dalam mengenalpasti risiko awal kepada pembentukan tingkah laku berisiko sejak peringkat awal kanak-kanak.

## PERKEMBANGAN PSIKOLOGI

Ketidakstabilan emosi yang ditunjukkan pada peringkat kanak-kanak menyebabkan perkembangan sosial yang lemah dan seterusnya meningkatkan risiko tingkah laku anti sosial, ingkar serta agresif (Jianghong, 2004, Julie, et al., 2015). Tingkah laku tersebut hadir serta dipamerkan dengan cara yang berbeza bergantung kepada keadaan perkembangan psikologi mereka. Pathological Demand Avoidance (PDA) adalah salah satu contoh keadaan perkembangan psikologi berisiko yang disebabkan oleh kelemahan sosioemosi. PDA hadir sejak peringkat awal kanak-kanak serta sering hadir bersama isu ketidakupayaan perkembangan psikologi seperti Autisma dan ADHD. Personaliti kanak-kanak juga merupakan antara dimensi perkembangan yang perlu dipantau sejak awal. Personaliti manusia adalah dibentuk secara asas oleh temperamen sejak dilahirkan (Alice & John, 2012). Tret temperamen yang kritikal akan memberikan asas kepada tingkah laku berisiko (Xian, et al., 2017). Misalnya, pengaruh trait temperamen seperti pengelakan dan kecenderungan mencuba pengalaman baru mempengaruhi kehadiran masalah tingkah laku sosial dalam kalangan kanak-kanak (Julie, et al., 2015).

## CADANGAN

Intervensi yang lebih cekap dapat dilakukan dengan mengaplikasikan penggunaan ujian-ujian psikologi serta ujian perkembangan pelbagai dimensi di pusat jagaan serta pemulihan juvana dan sekolah (O'Neill, et al., 1997). Pihak berkaitan perlu memastikan kanak-kanak melalui prosedur saringan serta pengujian mengikut saranan psikologis dan ahli klinikal. Pengujian seperti kefungsian tingkah laku, temperamen dan personaliti, profil perkembangan dan kognitif adalah penting bagi tujuan pengesahan risiko awal, pemilihan intervensi serta pengesahan keberkesanan sesuatu modul pemulihan.

Kesedaran mengenai tingkah laku keibubapaan yang positif juga perlu ditekankan kerana keluarga adalah ejen sosial utama yang menentukan persekitaran dan perkembangan individu. Intervensi serta pemulihan awal yang boleh dilakukan ialah menyediakan modul sokongan



psikologi serta keibubapaan secara berstruktur kepada ibu bapa bagi memastikan ibu bapa mendapat pendedahan yang jelas tentang teknik modifikasi tingkah laku (Dustin, et al., 2014). Ibu bapa juga cenderung untuk tertekan sekiranya tidak mendapat sokongan sewajarnya justeru modul keibubapaan yang berstruktur akan membantu ibu bapa lebih bersedia dalam menangani isu keluarga serta membentuk gaya keibubapaan yang lebih adaptif (Lindsey, et. al., 2016).

Modul intervensi dan pemulihan juga perlu dilaksanakan secara sistematik di peringkat sekolah berdasarkan tahap perkembangan psikologi serta keperluan pelajar. Modul intervensi merangkumi ujian saringan serta lanjut bagi perkembangan psikologi pelajar (Walker, et. al 2000) termasuk kemahiran akademik, kognitif, emosi, komunikasi dan

12242  
12326  
06987 23745  
87364 76565

12242 06987  
12326 87364  
06987 23745  
87364



tingkah laku. Seterusnya pelaksanaan intervensi perlu merangkumi latihan kemahiran sosial, pengurusan emosi serta latihan kemahiran akademik (Caprara, et al., 2000). Modul di sekolah juga perlu melibatkan latihan secara profesional untuk guru serta kakitangan sekolah bagi membentuk persekitaran sekolah serta hubungan yang adaptif dengan pelajar tersebut. Aspek psikologi pelajar juga antara aspek penting dalam memastikan kejayaan akademik serta pemulihan tingkah laku justeru amat perlu untuk para guru mendapatkan pendedahan serta latihan sewajarnya (Severson, et al., 2007). Modul sebegini dapat membantu guru lebih peka terhadap keadaan psikologi pelajar, tahap perkembangan serta memilih pendekatan yang sesuai.

## KESIMPULAN

Program intervensi dan pemulihan memerlukan pendekatan perkembangan psikologi bagi memastikan modul yang dibentuk mampu menyentuh setiap dimensi tingkah laku manusia. Kefahaman tentang perkembangan serta psikologi kanak-kanak bukan sahaja mampu mengesan risiko awal isu tingkah laku tetapi juga memberikan data yang lebih objektif kepada pihak terlibat. Maklumat lanjut dapat diperolehi seperti kehadiran isu kecelaruan psikologi, limitasi kognitif serta intelektual dan juga sebarang krisis perkembangan. Maklumat sebegini wajar diambil kira dalam membentuk pendekatan atau modul pencegahan serta pemulihan yang berkesan.

## RUJUKAN

- Alice, C. S. & John, E. B. (2012). Temperament, Parenting and Implications For Development. Encyclopedia Of Early Childhood Development, 1-4
- Caprara, G., Barbaranelli, C., Pastorelli, C., Brandura, A., & Zimbardo, P. (2000). Prosocial foundations of children's academic achievement. *Psychological Science*, 11(4), 302-306
- Dustin A.P, Rebecca W. & Samuel W. H. (2014) 13 Familial Influences on the Development of Serious Conduct Problems and Delinquency. *The Development of Criminal and Antisocial Behavior*, 201-220
- Hill, M.W., Mark, R.S., Robert, E., O'Neill & Elizabeth R. (1987) A Longitudinal Assessment of the Development of Antisocial Behavior in Boys: Rationale, Methodology, and First-Year Results, 8(4), 7-27
- Julie, B., Megan, S., Robert, R. A., David, C. R., Valerie, S. H., Lynsay, A., Matthew, D. A., Eileen, T., Crehan, A.V., Kuny, S. & James, J. H. (2015). Child Temperament, Maternal Parenting Behaviour and Child Social Functioning. *J Child Fam Stud*, 1152-1162
- Jianghong Liu. (2004). Chilhood Externalizing Behaviour: Theory and Implications. *J Child Adolesc Psychiatr Nurs*, 93-103
- Kathleen L.L., Frank M.G., Tam E.O. (2002) Interventions for Children with Or at Risk for Emotional and Behavioral Disorders. Allyn & Bacon Pub
- Lauren Adamek, Shana Nichols, Samara P Tetenbaum, Joel Bregman, Christine A Ponizio, Edward G Carr, 2011, Individual Temperament and Problem Behaviour in Children With Autism Spectrum Disorders, Focus on Autism and Other Developmental Disabilities, 173-183
- Lindsey Hutchison, Michael Feder, Beau Abar, Adam Winsler. (2016). Relations Between Parenting Styles, Parenting Stress and Child Executive Functioning for Children with ADHD And Autism. *Journal Child Family Study*, Vol 25, 3644-3656
- Loeber, R & Farrington, D.P. (1998) Serious & Violent Juvenile Offender: Risk Factor & Successful Interventions, Sage Publications
- O'Neill, R. E., Horner, R. H., Albin, R. W., Sprague, J. R., Storey, K., & Newton, J. S. (1997). Functional assessment and program development for problem behavior: A practical handbook (2nd ed.). Pacific Grove, CA: Brooks/Cole
- Severson, H. H., Walker, H. M., Hope-Doolittle, J., Kratochwill, T. R., & Gresham, F. M. (2007). Proactive, early screening to detect behaviorally at-risk students: Issues, approaches, emerging innovations, and professional practices. *Journal of School Psychology*, 45, 193-223.
- Walker, H.M., Horner, R.H., Sugai, G., Bullis M., Sprague, J.R., Bricker, D. & Kaufman, M.J. (1996). Integrated approaches to preventing antisocial behavior patterns among school-age children and youth. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders*, 4, 193-256
- Walker, H. M., Nishioka, V., Zeller, R., Severson, H. & Feil, E. (2000). Causal factors and potential solutions for the persistent under-identification of students having emotional or behavioral disorders in the context of schooling. *Assessment for Effective Intervention*, 26(1) 29-40.
- Xian Abulizi, Laura Pyror, Gregory Michel, Maria Melchior, Judith Van Der Waerden. (2017). Temperament in Infancy and Behavioural and Emotional Problems at age 5.5: The EDEN Mother-Child Cohort. *Journal Plos One*, 12(2).





Nurul Rafieeqa  
Afdul Mutolip

Lot 32, First Floor,  
Block E, Phase 2,  
Sulaman Sentral,  
88450 Kota  
Kinabalu, Sabah.  
Email:  
nrafeeqa@gmail.  
com

# THE PLIGHT OF STATELESS AND UNDOCUMENTED CHILDREN IN THE CRIMINAL JUSTICE SYSTEM

## INTRODUCTION

Stateless and undocumented children are vulnerable to various deprivation of rights caused by a lack of nationality<sup>1</sup>. Due to the lack of legal status, they remain invisible in the criminal justice system. Siti Masitah Ibrahim, 11, who went missing in 2019 was a stateless child. When her mother reported her missing, the Nur Alert system was not activated for Siti because her parents did not possess any documents. The Nur Alert System is a national initiative that helps spread information to the public related to missing children. Sadly, her decomposed body was found 10 days later. She had been murdered.

## **ISSUE**

Therefore, this paper aims to highlight the plight of the stateless and undocumented children in the criminal justice system. A child is defined as a human being below the age of eighteen years<sup>2</sup>. A stateless person is defined as *a person who is not considered as a national by any State under the operation of its law*<sup>3</sup>. Stateless children, especially abandoned children, often do not have information as to their parent's citizenship status and are typically undocumented. Some children inherit the stateless status from their stateless parents, creating an intergenerational problem<sup>4</sup>.



Further, being born in Malaysia does not automatically make one a Malaysian citizen, particularly children who are illegitimate. A child who was born in Malaysia to a Malaysian father and a foreign mother will not get his/her Malaysian citizenship if the parents were not married at the time of the child's birth<sup>5</sup>.

At such young age, the stateless and undocumented children would, *inter alia*, sense the loss of identity, loss of protection from government and criminal justice, and their rights to education are denied. This is when child victimisation comes into the picture. Stateless and undocumented children are vulnerable to exploitation including but not limited to being trafficked, forced into hazardous labour,

sexual exploitation, arbitrary arrest, and detention. Stateless and undocumented children are often reluctant to go to the police in case of problems due to fear of being placed in detention for not having legal documentation and identity. Without the opportunity to report to the authorities, this minority group would not enter into the criminal justice system.

## **PROPOSAL**

All persons are entitled to the equal protection of the law. It is suggested that the criminal justice system should take a soft approach and on humanitarian grounds, accommodate the circumstances of the stateless and undocumented child victims. The criminal justice system is designed to deliver "justice for all". It addresses the consequences of criminal behaviour in society and has the objective of protecting peoples' right to safety. The stateless and undocumented child victims should be offered protection, and not be treated the same as criminal offenders.

## **CONCLUSION**

In the upshot, justice and protection in the criminal justice system should not be selective. The Federal Constitution dictates that all persons are equal before the law<sup>6</sup> and therefore, it is imperative to ensure all children are protected, regardless their status.

<sup>1</sup> Open Society Justice Initiative, 'Children's Rights to Nationality'

<sup>2</sup> Article 1 of the Convention on the Rights of the Child

<sup>3</sup> 1954 Convention Relating to the Status of Stateless Persons

<sup>4</sup> Institute of Statelessness and Inclusion, 'The World's Stateless' (December 2014)

<sup>5</sup> s.17 Part III of the Second Schedule of Federal Constitution. As an illegitimate person, the child adopts the citizenship of his/her mother under s. 17 of Part III of the Second Schedule

<sup>6</sup> Article 8 of the Federal Constitution



# COMBATING CYBERBULLYING IN MALAYSIA: CHALLENGES & INITIATIVES



Nadiah  
Syariani Md  
Shariff  
Faculty of Health &  
Life Sciences,  
Management &  
Science University/  
School of Health  
Sciences  
Universiti Sains  
Malaysia  
Email: nadiah\_  
syariani@student.  
usm.my

## INTRODUCTION

Cyberbullying is an intentional act of harming others on online platform, repetitively, against individual or group of individuals whom unable to defend themselves. Currently, there is no standardised definition for cyberbullying as it is difficult to distinguish between a joke and sheer harassment. Interpretation may vary, making it even challenging to legislate online hate speech while protecting citizen's rights to free speech.

Official statistic showed worrying cyber-bullying trend as Malaysia ranked in

the top ten out of 23 countries and second leading country in Asia. Despite of that, there is still no specific legislation on cyberbullying. Rather, it is an offence under various provisions such as Section 233 (1) of Communication and Multimedia Act (CMA) 1998 for posting malicious content, Section 509 of the Penal Code for body shaming, Section 14 of the Minor Offences Act 1955 for making an insult, and Section 499 of the Penal Code for defamation.

Based on these legislations, public can file their compla-

ints related to disturbance and harassment, through online platform provided by Malaysian Communication & Multimedia Commission (MCMC). Despite the handful number of complaints made, only selected few were investigated and less than one percent were brought to court. There is no news if the cases lead to conviction or acquittal, and no mention of cases charged under Penal Code.

## INITIATIVES TOWARDS COMBATING CYBERBULLYING

### THE DIRE CONSEQUENCE OF CYBERBULLYING

Cyberbullying becomes more prevalent during COVID-19 pandemic as people shift to online communication due to physical lockdown. Absence of facial cues tends to lead to communication disputes. The privilege of staying anonymous and the impact of cyberbullying is more permanent and inevitable than physical bullying as harsh comments are accessible to everyone. Victims experience range of psychosocial problems like damaged self-esteem, anxiety, depression, negative body image, and suicidal tendency. These psychological 'wounds' have more adverse effects than physical injury, and often long-term, if left untreated.

The dire consequences of cyberbullying urge proactive measures to combat the issue. For example, Klik Dengan Bijak is a national campaign advocating digital responsibilities and call for action in response to cyberbullying. Other initiative at school level includes providing complaint boxes to encourage report of leaving abusive comments. On the receiving end, the impact of cyberbullying is more damaging than physical bullying as harsh comments are without being harmed. However, the effectiveness of these programs remains unknown, and there is no proper procedure provided to handle reported cyberbullying cases at school level.

It is time for stricter anti-cyberbullying regulation. Currently, government is conducting a national study on cyberbullying and findings are yet to be published. This is a steppingstone to drafting a cyberbullying legislation in Malaysia which should include contextualising cyberbullying behaviours, proportionate sanction if convicted, reporting procedures and handling, intervention, and due process. CMA can also be used as a basis for this new law, and it should include regulations governing Internet usage for children and teenagers.

## CONCLUSION

Conclusively, efforts to combat cyberbullying should not be shouldered on government alone. Instead, it requires a joint effort from parents, schools, policy makers, and service providers. Zero tolerance policy against cyberbullying should be in place, both education institution and workplace, to mark that such act is unacceptable. Collaboration between service provider and authorities should be initiated in monitoring social media use among youngsters and make it compulsory for users to register their social media accounts in their original names. Often, victims are left in despair as perpetrators use fake accounts where personal information is untraceable and further escape conviction and punishment.



# BANDUAN WANITA DAN MOTIF JENAYAH



Siti Nurkhairina  
Mohd Nor  
Fakulti Sains Sosial  
dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia  
91nrina@gmail.com



## PENGENALAN

Banduan wanita didefinisikan sebagai golongan wanita yang dikurung dalam sesuatu penjara di atas sesuatu kesalahan jenayah yang telah dilakukan. Di Malaysia, pada tahun 2016 sahaja, statistik rasmi Jabatan Penjara Malaysia melaporkan banduan wanita berwarganegara Malaysia telah mencapai sebanyak 1406 orang di seluruh penjara Malaysia. Berdasarkan statistik tersebut, kes jenayah yang dilaporkan paling tinggi bilangannya adalah jenayah narkotik termasuk pengedaran dan penjualan dadah, penyeludupan dadah serta menjadi mangsa keldai dadah. Selain itu, golongan wanita juga banyak terlibat dalam jenayah yang berunsurkan wang dan keuntungan seperti

jenayah pemalsuan, pecah amanah, penipuan, mencuri dan merompak. Jenayah kekerasan pula seperti jenayah bunuh merupakan jenayah ketiga tertinggi yang dilaporkan. Manakala bagi jenayah penderaan terutamanya penderaan ke atas kanak-kanak dilihat agak rendah. Namun begitu, jenayah ini tetap memberikan kesan negatif yang mendalam kepada fizikal dan psikologi mangsa penderaan. Tambahan lagi, kes penderaan oleh wanita juga boleh dikatakan semakin meningkat dari hari ke hari seperti yang banyak dibentangkan di media massa.

## PERBANDINGAN MOTIF JENAYAH OLEH WANITA DAN LELAKI

Keseronokan juga menjadi penyumbang kepada jenayah narkotik lelaki. Walau bagaimanapun, golongan lelaki memerlukan keseronokan ini untuk menghadapi masalah kehidupan sosial mereka berbanding dengan wanita yang menggunakan dadah untuk keseronokan bagi menghadapi masalah tekanan, emosi, dan masalah kesihatan mental yang lain.

Bagi jenayah penderaan, golongan lelaki mempunyai motif untuk menunjukkan dominasi dan kekuasaan ke atas mangsa yang didera. Penderaan seperti penderaan domestik juga adalah sebagai suatu cara bagi pelaku untuk mengawal mangsa dan memastikan mangsa tidak memutuskan hubungan atau melakukan perbuatan curang. Bagi jenayah pembunuhan oleh golongan lelaki pula, kajian tempatan oleh Mohammad Rahim (2015) memberi hasil dapatan bahawa perasaan marah mereka adalah motif utama kepada jenayah tersebut. Motif ini turut merupakan motif utama kepada jenayah bunuh yang dilakukan oleh wanita.

## KESIMPULAN

Jenayah yang dilakukan oleh golongan wanita sememangnya suatu perkara yang perlu dipandang serius. Walaupun bilangan banduan wanita di Malaysia tidak seramai bilangan banduan lelaki, namun begitu, impak dan kesan jenayah oleh wanita mampu mencetuskan pelbagai kesan negatif kepada diri, keluarga dan masyarakat. Pengetahuan mengenai jenis jenayah beserta motif jenayah merupakan elemen yang penting dalam proses penyiasatan jenayah. Pemahaman yang mendalam adalah bermanfaat dan dapat menyumbang di dalam proses pencegahan jenayah oleh pihak yang berkepentingan seperti Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, kementerian yang berkaitan, para psikologi dan kaunselor, pekerja sosial, guru serta semua pihak lain yang terlibat.

## MOTIF JENAYAH

Mengikut satu kajian tempatan yang telah dijalankan dalam kalangan banduan wanita di Malaysia oleh Siti Nurkhairina, Mohammad Rahim dan Wan Shahrazad (2019), motif perlakuan jenayah banduan wanita dilihat berbeza bagi setiap jenis jenayah yang berbeza. Pengaruh kawan menjadi motif kepada jenayah narkotik. Apabila berada di dalam persekitaran di mana mereka menyaksikan kawan-kawan berasa seronok dengan menghisap dadah, mereka terpengaruh untuk mencuba dadah. Ini membawa padahkerana daripada percubaan pertama, dadah telah menyebabkan ketagihan dan sukar untuk dilepaskan. Seterusnya, jenayah komersial dilihat mempunyai motif keluarga. Wang yang dicuri kebiasaannya adalah untuk keluarga mereka. Wang yang dicuri juga adalah untuk menampung keperluan asas seperti bayaran tempat tinggal.

Motif utama jenayah jenis kekerasan pula adalah emosi negatif yang kuat seperti perasaan marah yang tinggi atau mengalami tekanan yang berat. Sebahagian informan kajian telah menyatakan perasaan marah sebagai motif kepada perlakuan jenayah bunuh. Perasaan marah ini adalah berpuncanya daripada perbuatan mangsa yang tidak disukai sehingga informan kajian dikawal oleh emosi marah yang akhirnya membawa kepada perlakuan jenayah. Bagi sebahagian lagi informan kajian, perasaan tertekan adalah motif utama untuk mereka melakukan jenayah penderaan. Apabila mereka berada di dalam keadaan tertekan, jenayah penderaan lebih cenderung dilakukan kerana tekanan menyebabkan seseorang individu mempunyai sikap agresif tinggi yang dapat membawa kepada perbuatan jenayah mendera.

## RUJUKAN

- Jabatan Penjara Malaysia. (2016). Statistik Banduan Wanita Berwarganegara Malaysia di Penjara Seluruh Malaysia. Kajang: Jabatan Penjara Malaysia.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md Shariff, Azizah Othman, Khaidzir Hj Ismail, & Geshina Ayu Mat Saat. (2015). Linking psychological traits with criminal behaviour: A review. ASEAN Journal of Psychiatry, 16(2), 13-25.
- Siti Nurkhairina Mohd Nor, Mohammad Rahim Kamaluddin, & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. (2019). Penerokaan faktor banduan wanita terlibat dalam jenayah (Master's Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).

# ISU RESIDIVISME DALAM KALANGAN BEKAS BANDUAN

## PENGENALAN

Istilah residivisme berasal daripada perkataan Latin “recidere” yang bermaksud kembali semula. Dari sudut jenayah, residivisme didefinisikan sebagai pengulangan semula bekas banduan kepada tingkah laku berisiko atau kepulangan semula ke penjara. Secara amnya, konsep residivisme dapat memberi gambaran keseluruhan mengenai jenis kesalahan serta jumlah keseluruhan bekas banduan yang terlibat semula dengan salah laku jenayah. Pakar psikologi menjelaskan bahawa bekas banduan yang mempunyai ciri-ciri interpersonal seperti (i) personaliti sosiopati, (ii) keceluaran tingkah laku, (iii) kurang perasaan empati, (iv) impulsif, dan (v) egosentrik lebih berpotensi tinggi untuk mengulangi semula kesalahan jenayah dengan kadar lebih cepat dan lebih ganas berbanding kesalahan sebelumnya (Luo et al., 2020).



Tharshini, N.K.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Sarawak,  
94300 Kota Samarahan,  
Sarawak, Malaysia.  
Email: stharshini@  
unimas.my

## ISU

Teori Ketegangan menjelaskan bahawa seseorang bekas banduan terlibat semula dengan salah laku jenayah disebabkan pelbagai faktor berisiko yang berbeza. Sebagai contoh, bekas banduan yang mempunyai personaliti psikopati lebih berisiko tinggi untuk terlibat semula dengan kesalahan jenayah kerana majoriti daripada mereka mempunyai trait tingkah laku maladaptif seperti suka mendominasi orang lain, bersikap manipulatif, degil, serta mudah berasa marah. Selain itu, memandangkan individu yang mempunyai personaliti psikopati mempunyai rasa empati yang rendah maka mereka mudah bertingkah laku agresif serta berhadapan dengan kesukaran untuk menjalin hubungan yang positif bersama individu lain.

Beberapa orang pakar sosiologi dan psikologi klinikal menyatakan bahawa kadar residivisme adalah paling tinggi dalam kalangan golongan muda yang berusia di antara 16 hingga 18 tahun kerana pada peringkat usia tersebut individu masih tidak mempunyai pekerjaan yang tetap, berstatus bujang

serta kurang matang untuk memikirkan tentang kesan negatif yang bakal menimpa diri sendiri sekiranya terlibat dengan salah laku jenayah (Pedersen et al., 2020). Selain itu Centre for Crime and Justice Studies, (King's College, London) menjelaskan bahawa kadar residivisme dalam kalangan golongan muda adalah tinggi kerana mereka mudah terjebak semula dengan salah laku jenayah akibat daripada ajakan rakan sebaya. Seterusnya, bancian yang dilakukan oleh Pew Centre on the Status pada tahun 2011 menunjukkan bahawa bekas banduan yang mendapat pekerjaan tetap selepas dibebaskan daripada penjara/institusi pemulihan akhlak berpotensi rendah untuk terlibat semula dengan salah laku jenayah berbanding dengan bekas banduan yang masih menganggur lebih daripada enam bulan selepas dibebaskan daripada penjara/institusi pemulihan akhlak.

## CADANGAN DAN KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, isu residivisme merupakan suatu fenomena kompleks yang mampu mengancam tahap keselamatan dan kesejahteraan sosial anggota masyarakat. Justeru itu, bagi mengurangkan kadar residivisme, jabatan penjara di sesebuah negara perlu melakukan penambahbaikan yang berterusan terhadap strategi pemulihan yang sedia ada agar banduan mendapat manfaat yang sepenuhnya daripada program/modul tersebut serta lebih bersedia untuk kembali semula ke pangkuhan masyarakat. Seterusnya, kolaborasi yang berterusan perlu dikekalkan di antara institusi koreksional dan institusi pengajian tinggi (khasnya bersama penyelidik yang mempunyai kepakaran dalam bidang jenayah) agar strategi pemulihan yang bersifat "evidence-base" dan "research-informed practice" dapat dicadangkan dari semasa ke semasa bagi memantapkan lagi keberkesanan program/modul pemulihan yang sedia ada.

Seterusnya, apabila bekas banduan kembali semula ke dalam komuniti, adalah disyorkan agar badan kerajaan dan badan bukan kerajaan berganding

bahu dalam mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan penyertaan aktif bekas banduan. Strategi sebegini diharap dapat membantu memudahkan lagi proses pengintegrasian semula serta mengurangkan kadar stigma dan persepsi negatif anggota masyarakat terhadap bekas banduan yang dibebaskan daripada penjara. Selain itu, penglibatan secara langsung dalam aktiviti kemasyarakatan dijangka akan membuka ruang kepada bekas banduan bagi memainkan peranan yang bermakna dalam komuniti, menjadi warganegara yang bertanggungjawab, serta mengelakkan mereka daripada terlibat semula dengan salah laku jenayah.

## RUJUKAN

- Luo, J., Wang, M.C., Neumann, C.S., Hare, R.D. & Salekin, R.T. (2020). Factor Structure and Construct Validity of the Proposed Specifiers for Conduct Disorder (PSCD) Scale in Chinese Adolescents. *Assessment*, 1-20.
- Pedersen, W., Hart, R.K., Moffitt, T.E. & Von Soest, T. (2020). Delinquency Abstainers in Adolescence and Educational and Labor Market Outcomes in Midlife: A Population-Based 25-Year Longitudinal Study. *Developmental Psychology*, 56(11), 2167-2176.
- Pew Centre on the States. (2011). State of Recidivism: The Revolving Door of America's Prisons. Washington, D.C.



Nurul Rafeeqa Afdul  
Mutolip  
Lot 32, First Floor, Block E, Phase 2,  
Sulaman Sentral, 88450 Kota Kinabalu,  
Sabah  
Email: nrafeeqa@gmail.com

# KEGANASAN RUMAHTANGGA: BUDAYA ‘JANGAN JAGA TEPI KAIN ORANG’ HARUS DIHENTIKAN

## PENGENALAN

Isu keganasan rumahtangga agak jarang diketengahkan terutama sekali sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pada waktu tersebut, pendera cenderung untuk melakukan penderaan secara fizikal dan juga mental kepada mangsa. Memandangkan mangsa terpaksa berhadapan dengan pendera sepenuh masa pada

tempoh PKP, oleh yang demikian, keganasan yang berlaku bukan sahaja akan memberi kesan fizikal dan mental ke atas mangsa, tetapi juga kepada individu disekeliling mangsa terutama terhadap anak-anak yang menyaksikan penderaan tersebut.

## ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA

Keganasan rumah tangga merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Kanun Keseksaan. Namun, tidak ada peruntukan spesifik mengenai kesalahan keganasan rumah tangga yang diperuntukan dibawah Kanun Keseksaan. Perbuatan keganasan rumah tangga yang ditakrifkan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga adalah seperti berikut:-

- “Secara bersengaja atau dengan disedarinya meletakkan atau cuba meletakkan mangsa itu dalam keadaan ketakutan dan kecederaan fizikal.
- Menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa itu dengan sesuatu perbuatan yang sepatutnya diketahui akan mengakibatkan kecederaan fizikal.
- Memaksa mangsa dengan paksaan atau ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan berbentuk seksual ataupun selainnya yang mangsa itu berhak tidak melakukannya.
- Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan mangsa.
- Melakukan khianat atau kemuasanan atau kerosakan kepada harta dengan niat untuk menyebabkan atau dengan disedari bahawa ia berkemungkinan menyebabkan kesedihan atau kegusaran kepada mangsa itu dengan cara yang menyalahi undang-undang atau
- Dengan curang menggelapkan harta mangsa yang menyebabkan mangsa itu mengalami kesedihan kerana kerugian kewangan;
- Mengugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa itu takut akan keselamatan dirinya atau keselamatan hartanya, takut akan keselamatan pihak ketiga, atau mengalami kesedihan;
- Berhubung dengan mangsa, atau berhubung dengan pihak ketiga tentang mangsa, dengan niat untuk mengaibkan kehormatan mangsa itu melalui apa-apa cara, elektronik atau selainnya;

Ianya juga menjadi suatu kebiasaan di mana mangsa lebih memilih untuk berdiam diri dan tidak membuat sebarang aduan kepada pihak polis atas sebab takut dan malu akan stigma masyarakat serta takut tindakan mereka akan menyebabkan mereka menghadapi risiko kehilangan tempat tinggal dan terpisah anak-anak. Mangsa-mangsa yang berada di daerah-daerah terpencil yang tidak mempunya akses kepada jaringan perhubungan seperti telefon, rangkaian internet dan jalan raya adalah menyukarkan mereka untuk mengetahui dan mendapatkan pembelaan terhadap hak-hak mereka. Selain itu, terdapat juga keadaan yang sering terjadi di mana mangsa akan dipersalahkan dan sering dinasihatkan oleh keluarga dan rakan-rakan untuk tidak membuat laporan polis demi menjaga kepentingan anak-anak.

Kebanyakan pendekatan atau penyelesaian terhadap isu ini hanya tertumpu kepada usaha mangsa untuk membuat laporan tentang penderaan yang berlaku ke atas diri mereka. Namun demikian, mangsa selalunya tidak berdaya untuk melaporkan penderaan yang berlaku terhadap diri mereka. Oleh itu, pendekatan yang lebih meluas seharusnya dilakukan dengan melibatkan peranan orang awam dan meluaskan lagi kesedaran mengenai keganasan rumah tangga dengan cara meningkatkan pengetahuan berkenaan jenis-jenis tindakan yang terjumlah kepada keganasan rumah tangga (selain daripada keganasan dari segi fizikal) serta menekankan tanggungjawab dan peranan orang awam untuk membantu melaporkan kes-kes keganasan rumah tangga kepada pihak berkuasa<sup>1</sup>.

## KESIMPULAN

Keganasan rumah tangga dalam bentuk apa sekali pun, termasuk penderaan dari segi fizikal atau pun mental, adalah satu perilaku yang sangat serius dan tidak seharusnya dikompromi. Oleh itu, budaya “jangan jaga tepi kain orang lain” harus dihentikan bagi kes-kes keganasan rumah tangga di kalangan ahli keluarga, rakan-rakan dan orang awam. Jabatan dan kakitangan kerajaan khususnya pegawai daerah dan ketua komuniti untuk daerah-daerah terpencil perlu diberikan pendidikan mengenai kesedaran dan pengetahuan berkenaan dengan keganasan rumah tangga dan sekaligus menekankan tanggungjawab untuk melaporkan kes-kes keganasan rumah tangga yang berlaku dalam kalangan komuniti kepada pihak berkuasa.

<sup>1</sup>Menurut kes Saravana @ KD Sarvana v State of Karnataka (2012) 7 SCC 636, tidak semestinya seorang saksi mata sahaja boleh membuat laporan polis (Dipetik dari “The Criminal Procedure Code: A Commentary by Srimurugan Alagan”)

# IMPAK MASALAH JENAYAH PECAH RUMAH TERHADAP KESEJAHTERAAN HIDUP MASYARAKAT



Nurfarhana  
Abd Malek

Pusat Latihan Polis  
Dungun (Pulapol)  
23050 Jalan Rantau  
Abang Dungun  
Terengganu  
Email:  
farhanamalek89@  
yahoo.com

## PENGENALAN

Jenayah merupakan suatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dengan niat hendak melakukan kesalahan, maka atas kesalahan itu ia boleh dihukum dengan hukuman setimpal kerana melakukan perkara-perkara yang salah disisi undang-undang (Marzilla, Rosniza Zaini, 2019). Di Malaysia, jenayah indeks diklasifikasikan sebagai jenayah harta benda dan jenayah kekerasan (PDRM, 2021). Jadual 1.2 menunjukkan statistik jenayah pecah rumah mengikut negeri di Malaysia bagi tempoh dari tahun 2015-2020. Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi sepanjang tempoh tahun 2015-2020 iaitu sebanyak 25654 kes, namun mencatatkan penurunan kes dari tahun 2015 iaitu 5805 kes sehingga tahun 2018 kepada 3515 kes. Pada tahun 2020, ia mencatatkan penurunan kes kepada 3025 kes dari tahun 2019 iaitu 3679 kes. Perlis mencatatkan jumlah jenayah pecah rumah terendah iaitu sebanyak 594 kes serta mencatatkan penurunan kes dari tahun 2015 iaitu 102 kes sehingga tahun 2018 kepada 54 kes. Namun pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan kes iaitu 111 kes sehingga tahun 2020 iaitu 155 kes.

Jadual 1: Statistik Jenayah Pecah Rumah Mengikut Negeri Di Malaysia  
2015-2020

TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019	2020
JOHOR	1440	1475	1211	1239	1364	1273
KEDAH	1499	1287	1350	1130	1138	980
KELANTAN	893	682	570	699	929	626
KUALA LUMPUR	1907	1867	1188	1104	1088	949
MELAKA	445	544	567	591	681	487
NEGERI SEMBILAN	998	1023	895	873	765	660
PAHANG	795	719	794	861	718	604
PERAK	1134	915	859	1023	1064	666
PERLIS	102	85	87	54	111	155
PULAU PINANG	1150	917	868	855	1036	736
SABAH	1544	1757	1908	1881	1806	1332
SARAWAK	1273	1540	1314	1497	1623	1946
SELANGOR	5805	5497	4133	3515	3679	3025
TERENGGANU	301	452	456	420	496	601
JUMLAH KESELURUHAN	19286	18760	16200	15742	16498	14040

Sumber: PDRM (2021)



## PERMASALAHAN/ISU

Pecah rumah merupakan masalah sosial yang memberi kesan kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Masalah jenayah menyebabkan tekanan traumatis kepada masyarakat dari segi keselamatan dan gaya hidup mereka (Md Latif, 2015). Teori Aktiviti Rutin (Cohen & Felson, 1979) menyatakan jenayah pecah rumah berlaku apabila suatu tempat itu wujudnya peluang dan membolehkan penjenayah untuk melakukan perlakuan jenayah. Impak masalah jenayah kepada kesejahteraan masyarakat akan dibincangkan supaya dapat dijadikan garis panduan dalam membendung jenayah ini disamping dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai jenayah pecah rumah.

## IMPAK TERHADAP KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

Kesejahteraan masyarakat penting ke arah membangunkan keamanan sebenar dalam komuniti di sesebuah negara (Mohamed & Abu Bakar, 2010). Khan (2015) berpendapat kejadian jenayah seperti ragut dan pecah rumah, serta kekacauan yang terjadi dalam masyarakat mempengaruhi fikiran, perasaan serta hubungan masyarakat terhadap aspek keselamatan. Jenayah pecah rumah yang berlaku menyebabkan masyarakat berpendapat bahawa sesebuah kawasan itu mungkin merosot dan memberi kesan kepada kualiti hidup (Marzilla, Rosniza Zaini, 2019). Perasaan takut terhadap jenayah mempengaruhi kualiti hidup sesebuah rakyat dan memberikan kesan yang memudaratkan (Johar et al., 2018).

## KESIMPULAN

Permasalahan jenayah pecah rumah harus diberikan perhatian yang serius oleh masyarakat dan pihak berkuasa bagi membendung masalah jenayah ini. Peningkatan masalah jenayah ini dapat mengancam kesejahteraan hidup masyarakat.

## RUJUKAN

- Marzilla M, Rosniza Aznie CR. & Zaini S. (2019). Dilema Masalah Jenayah Pecah Rumah Impak Pembangunan Lebuhraya Baru Pantai (Npe), 80-91.
- Faizah Md Latif. (2015). Ke Arah Pengurangan Indeks Jenayah Jalan Di Pusat Bandar Kuala, 91-107.
- Roslan Mohamed & Siti Aishah Abu Bakar. (2010). Pembangunan Masyarakat Ke Arah Kesejahteraan. 1-14.
- Khan, A. (2015). Kejadian Jenayah - Adakah Anda Peduli? <https://www.mstar.com.my/klik/2015/07/06/pemandu-5>
- PDRM. (2020). Laporan Statistik Jenayah Indeks di Malaysia bagi tahun 2015 sehingga 2020. Bahagian Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur.
- Nur Hidayah Abdul Manap, Zurinah Tahir & Jalaluddin Abd Malek. (2020). Faktor Pemilihan Perumahan Komuniti Berpagar Dan Kepentingan Rukun Tetangga Dalam Pencegahan Jenayah. 234-245.
- Syazwana Aziz, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap. (2019). Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. 93-101.
- Siti Sarawati Johar, Fauziah Ani, Shamsaadah Sholeh Saad, Zahrul Akmal Damin, Shahidah Hamzah, Harliana Halim, Zahrul Akmal Damin, Md. Akbal Abdullah, Ku Hasnan Ku Halim. (2018). Tingkah Laku Devian Dan Perlakuan Jenayah: Cabaran Kecenderungan Negatif Di Sebalik Kehidupan Masa Lalu Dan Kini.

## CADANGAN

Berdasarkan kajian lepas, beberapa langkah pencegahan boleh dilaksanakan iaitu:

- Pemilihan perumahan jenis komuniti berpagar dan berpengawal bagi meningkatkan tahap keselamatan di kawasan perumahan (Abdul Manap, et al., 2020).
- Pemantauan ibu bapa dalam mengawasi perlakuan anak mereka khususnya golongan remaja dalam perlakuan jenayah. (Aziz et al., 2019).
- Pemantauan rukun tetangga di kawasan perumahan bagi menjaga keselamatan serta melaporkan masalah jenayah kepada pihak berkuasa (Abdul Manap et al., 2020).
- Rondaan yang kerap daripada pihak polis dalam membendung jenayah pecah rumah (Marzilla, et al., 2019).



Kausalya Devi  
a/p Sathoo

Jabatan Penjara  
Malaysia, Kajang,  
Selangor  
Email: kausalya@  
prison.gov.my

# LAWATAN KELUARGA: SOKONGAN KELUARGA SEMASA PEMENJARAAN

## PENGENALAN

Pemenjaraan memisahkan pesalah dengan keluarga dan dunia luar. Walau bagaimanapun, hubungan dan sokongan keluarga amat bermakna kepada pesalah dalam memberi kekuatan serta keyakinan kepada mereka untuk kembali kepada masyarakat (Hanrahan, Gibbs & Zimmerman 2005, McKay, Comfort, Lindquist & Bir 2016, Casey, Copp & Bales 2021). Menurut Bales dan Mears (2008), ikatan keluarga yang kuat mempunyai impak yang kekal dalam memutuskan kitaran

jenayah dalam kalangan bekas pesalah. Banyak dapatkan kajian menegaskan kepentingan lawatan keluarga di penjara sebagai faktor yang berkait rapat dengan mengawal tingkah laku semasa dalam penjara (Mears, Cochran, Siennick & Bales 2012, Folk, Stuewig, Mashek, Tangney & Grossmann 2019) dan mengurangkan tingkah laku jenayah setelah dibebaskan (Siennick, Mears & Bales 2013, Barrick, Lattimore & Visher 2014,

Cochran 2014, Mitchell, Spooner, Jia & Chang 2016). Perkara ini juga berkaitrapat dengan Teori Ketegangan Umum (General Strain Theory) yang menegaskan bahawa lawatan keluarga membolehkan pesalah menangani perasaan kecewa sama ada semasa berada dalam penjara mahupun setelah dibebaskan (Berg & Huebner, 2011, Listwan, Sullivan, Agnew, Collen & Colvin 2013, De Claire & Dixon, 2017).

# SOKONGAN KELUARGA SEMASA PEMENJARAAN

Hubungan yang lebih kuat antara bekas pesalah dengan keluarga akan wujud apabila hubungan itu dikekalkan semasa pesalah masih menjalani hukuman pemenjaraan (Mowen & Visher (2016). Pengekalan hubungan ini dapat dizahirkan melalui kekerapan lawatan keluarga yang memberi keyakinan kepada pesalah-pesalah bahawa mereka masih dan terus diterima oleh keluarga. Pesalah yang mempunyai sokongan keluarga yang tinggi mempunyai tahap kawalan yang tinggi terhadap tingkah laku dalam keterlibatan dengan jenayah (Berg & Huebner 2011, Kausalya Devi 2019). Sebaliknya, sekiranya sokongan keluarga lemah atau

kurang diperolehi semasa pesalah menjalani hukuman pemenjaraan, maka mereka bakal menghadapi cabaran bukan sahaja semasa berada dalam penjara tetapi juga semasa proses pengintegrasian semula ke dalam masyarakat (Western & Pettit 2005, Folk et al. 2019). Justeru, kemudahan lawatan keluarga disediakan oleh pihak penjara untuk memberi peluang kepada pesalah untuk mengekalkan hubungan kekeluargaan. Rangkaian hubungan ini berfungsi sebagai mekanisme pelindung bagi mengelakkan penglibatan semula dengan jenayah apabila dibebaskan (Berrick, Lattimore &

Visher, 2014) Jabatan Penjara Malaysia (JPM) turut terjejas dengan penularan pandemik COVID-19 beserta dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Oleh itu, bagi memastikan pematuhan kepada arahan tersebut dan demi menjaga keselamatan serta kesihatan semua pihak, JPM terpaksa menangguhkan lawatan keluarga secara fizikal di semua institusi penjara. Walaupun kaedah alternatif kepada lawatan keluarga iaitu perjumpaan secara maya diperkenalkan, ia tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Ini kerana kemudahan infrastruktur dan prasarana sedia ada di institusi-institusi penjara tidak dapat menampung keperluan pihak yang berkaitan.

## CADANGAN

Bagi mengekalkan hubungan kekeluargaan semasa pesalah menjalani hukuman pemenjaraan, beberapa cadangan dikemukakan seperti berikut:

- Menambah dan menaiktaraf infrastuktur serta prasarana bagi memudahkan lawatan keluarga secara maya termasuk melengkapkan kemudahan software dan hardware.
- Berkolaborasi dengan pihak-pihak yang dapat membantu keluarga yang kurang berkeupayaan menguruskan lawatan keluarga secara maya.
- Menaiktaraf tempat lawatan keluarga supaya kondusif dan mesra pelanggan.
- Menyediakan kemudahan perkhidmatan lawatan keluarga antara ibu dan anak-anak yang bersesuaian.
- Mengaktifkan semula tradisi penulisan surat oleh pesalah kepada ahli keluarga.

## KESIMPULAN

Kehidupan pesalah semasa menjalani hukuman penjara adalah sangat kompleks dan kritikal. Manusia adalah insan sosial yang mana sejak lahir telah menjalinkan hubungan terutamanya dengan ahli keluarga. Kajian-kajian empirikal telah membuktikan bahawa sokongan keluarga yang diperolehi melalui lawatan keluarga adalah sangat penting untuk memastikan tempoh penahanan ditempuhi dengan baik dan seferusnya mencapai kejayaan dalam proses pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. Apabila hubungan keluarga dijalin dan dikekalkan semenjak pesalah berada dalam penjara, pengekalan hubungan itu akan dijamin berterusan apabila pesalah dibebaskan. Oleh itu, pelbagai usaha dan inisiatif perlu diambil oleh pihak-pihak yang berkepentingan untuk memastikan sokongan keluarga yang merupakan elemen utama perlu dikekalkan melalui lawatan

keluarga semasa pesalah menjalani hukuman pemenjaraan. Mengkekalkan hubungan keluarga semasa dan selepas pemenjaraan menyumbang kepada pengurangan kadar residivisme.

## RUJUKAN

- Bales, W.D. & Mears, D.P. (2008). Inmate Social Ties and The Transition to Society. Does visitation reduce recidivism? *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 45, 287-321.
- Barrick, K., Lattimore, P.K. & Visher, C.A. (2014). Reentering women: The impact of social ties on long-term recidivism. *The Prison Journal*, 94(3), 279-304.
- Berg, M. T., & Huebner, B. M. (2011). Reentry and the ties that bind: An examination of social ties, employment, and recidivism. *Justice quarterly*, 28(2), 382-410.
- Casey, W.M., Copp, J.E. & Bales, W.D. (2021). Releases from a Local Jail: The Impact of Visitation on Recidivism. *Criminal Justice Policy Review*, 32(4). <https://doi.org/10.1177/0887403420919480>
- Cochran, J. C. (2014). Breaches in the wall: Imprisonment, social support, and recidivism. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 51(2), 200–229.
- De Claire, K., Dixon, L. (2017). The effects of prison visits from family members on prisoners' well-being, prison rule breaking, and recidivism: A review of research since 1991. *Trauma, Violence, & Abuse*, 18(2), 185–199.
- Folk, J. B., Stuewig, J., Mashek, D., Tangney, J. P., & Grossmann, J. (2019). Behind bars but connected to family: Evidence for the benefits of family contact during incarceration. *Journal of Family Psychology*, 33(4), 453–464. <https://doi.org/10.1037/fam0000520>
- Hanrahan, K., Gibbs, J. J., & Zimmerman, S. E. (2005). Parole and revocation: Perspectives of young adult offenders. *The Prison Journal*, 85(3), 251-269.
- Kausalya Devi Sathoo. (2019). Pengaruh Faktor Individu, Sokongan Sosial dan Penilaian Program Pemulihan Terhadap Pengintegrasian Semula Orang DiParol ke dalam Masyarakat: Kesihatan Mental Sebagai Moderator. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Listwan, S. J., Sullivan, C. J., Agnew, R., Cullen, F. T., & Colvin, M. (2013). The pains of imprisonment revisited: The impact of strain on inmate recidivism. *Justice Quarterly*, 30(1), 144-168.
- McKay, T., Comfort, M., Lindquist, C. & Bir, A. (2016). If family Matters. *Criminology & Public Policy*, 15(2), 529-542.
- Mears, D. P., Cochran, J. C., Siennick, S. E., & Bales, W. D. (2012). Prison visitation and recidivism. *Justice Quarterly*, 29(6), 888-918.
- Mitchell, M. M., Spooner, K., Jia, D., & Zhang, Y. (2016). The effect of prison visitation on reentry success: A meta-analysis. *Journal of Criminal Justice*, 47, 74-83.
- Mowen, T. J., & Visher, C. A. (2016). Changing the ties that bind: How incarceration impacts family relationships. *Criminology & Public Policy*, 15(2), 503-528.
- Siennick, S. E., Mears, D. P., & Bales, W. D. (2013). Here and gone: Anticipation and separation effects of prison visits on inmate infractions. *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 50(3), 417-444.
- Western, B. & Pettit, B. (2005). Black-White wage inequality, employment rates and incarceration. *American Journal of Sociology*, 111, 553-578.

# PROSES KEPULIHAN DADAH: DI MANA PERANAN KOMUNITI?

Sabtu tahun kedengaran rungutan malahan aduan mengenai bekas penagih dadah yang kembali ke dalam masyarakat telah jatuh semula (relapse) dan terlibat dengan aktiviti negatif yang sama berulang kali. Isu yang sering diperkatakan oleh masyarakat adalah mengapa penagih akan mengulangi tabiat penagihan itu. Mengapa penagih keluar masuk pusat pemulihan dan penjara dan mengapa terlalu cepat dibebaskan? Adakah program rawatan dan pemulihan dadah di Malaysia telah gagal? Adakah negara telah membazirkan duit rakyat untuk mengadakan program pencegahan dan membiayai perbelanjaan rawatan dan pemulihan dadah di seluruh negara. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) tidak akan mampu menjawab semua persoalan sekiranya masyarakat sendiri tidak mahu membuka mata dan minda untuk memahami mengenai sains penagihan.

Isu dadah dan penyalahgunaan bahan telah lama wujud dan berkembang di negara ini, malah pendekatan yang gunakan AADK adalah selari dengan perubahan semasa mengikut standard yang disyorkan oleh World Health Organization (WHO) dan United Nations Office of Drug and Crime (UNODC). Penagihan dadah sangat kompleks untuk dijelaskan secara satu hala. Ia melibatkan pelbagai faktor penyebab dan pemangkin yang mendorong seseorang individu mengambil dadah. Mengikut statistik sumber AADK 2019, jumlah penagih paling ramai adalah individu yang berumur di bawah usia 40 tahun. Alangkah ruginya negara kerana di umur yang produktif, mereka sudah hanyut dengan barang terlarang.



Nur Alisa binti Alia'm

Penolong Pengarah Rawatan  
Perubatan dan Pemulihan  
Pulau Pinang  
Email: lisanura@gmail.com



Masalah penagihan tidak dianggap serius sehingga ada ahli keluarga, rakan atau pekerja yang terlibat. Pada masa ini, keluarga atau majikan akan menjadikan AADK sebagai ‘last resort’ untuk mereka mendapatkan pertolongan. Biasanya, ibarat pepatah Melayu, “sudah terhantuk baru terngadah”.

Jadi apakah yang komuniti atau masyarakat boleh bantu untuk menyokong proses kepulihan bekas penagih dadah yang kembali ke dalam masyarakat?

Berikut saya kongsikan antara aspek-aspek penting yang komuniti boleh laksanakan dan gerakkan di peringkat komuniti.





## **Pertama: Meletakkan persepsi dan jangkaan yang wajar**

Masyarakat perlu menanam persepsi bukan semua penagih memerlukan bantuan atau sokongan yang sama. Mereka juga manusia biasa yang hidup dengan peranan masing-masing. Elakkan menilai dan menghukum mereka. Mereka perlu diberikan peluang kedua dan mendapat sokongan dari keluarga, jiran-jiran, sanak saudara dan pemimpin masyarakat setempat.



## **Kedua: Sokongan yang membina**

Ahli keluarga dan masyarakat perlu melengkapkan diri tentang ilmu pencegahan dan pemulihan dadah. Mengenalpasti apakah jenis dadah yang diambil, di mana dia mendapat bekalan, berapa banyak yang telah dibelanjakan? Maka tambahlah ilmu dengan membaca atau menghadiri program-program yang dianjurkan oleh AADK sama ada di daerah mahupun semasa individu tersebut berada di dalam Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). Sepanjang tempoh rawatan di dalam PUSPEN ahli keluarga digalakkan membuat lawatan dan menghadiri Program Family Assosiation (FA). Klien yang baru bebas sangat memerlukan sokongan dari segi emosi dan juga material, namun tidak boleh terlalu lama dimanjakan sehingga mendatangkan kebergantungan.



## **Ketiga: Membangkitkan keyakinan diri kepada mereka**

Tidak mudah untuk seorang bekas penagih dadah untuk bangkit dari himbauan masa silam yang buruk. Proses kepulihan adalah sepanjang hayat, maka, relaps yang ‘minima’ masih boleh diterima secara positif. Galakkan mereka mencari pekerjaan yang diminati dan beri mereka laluan kerjaya yang sama seperti orang lain. Peranan majikan sangat penting untuk membuat pemantauan di tempat kerja. Selain daripada diri individu itu sendiri, perhatian turut perlu diberikan kepada keluarga mereka daripada aspek kebaikan dan pendidikan anak-anak.



## **Keempat: Peluang berintegrasi dengan masyarakat**

Individu yang masih dalam proses kepulihan memerlukan ruang untuk berfungsi semula di dalam masyarakat. Program integrasi yang diadakan sejak klien masih di dalam PUSPEN adalah sebagai satu cara untuk memberi mereka peranan menyumbang kepada masyarakat. Setelah dibebaskan, mereka masih memerlukan kekuatan dan sokongan. Jemputlah mereka menyertai majlis keagamaan, kerohanian, kebudayaan dan sebagainya. Beri mereka peranan yang bersesuaian.



## **Kelima: Galakkan pembabitan di dalam Kumpulan Sokong Bantu Kepulihan**

Terdapat pelbagai grup Rakan Sebaya atau Sokong Bantu Kepulihan dadah yang dikendalikan oleh AADK mahupun badan-badan swasta yang aktif mengadakan program dan memberi sokongan kepada bekas penagih dadah. Galakkan mereka menyertai kumpulan tersebut kerana mereka lebih memahami dan menjawi pengalaman yang dilalui. Ramai yang kekal pulih apabila kerap bersama ‘circle’ yang positif, yang mahu bangkit untuk lebih berjaya di dalam hidup.



## **Keenam: Meningkatkan faktor Pelindung di dalam komuniti**

Komuniti yang sejahtera adalah satu komuniti yang selamat dan harmoni. Kawasan persekitaran yang bersih, masyarakat yang saling bertoleransi dan Bersatu padu. Persekutuan yang mempunyai faktor pelindung yang tinggi adalah seperti mempunyai persatuan penduduk yang prihatin, kawasan rekreasi yang mencukupi dan terdapat banyak program-program ke arah pembangunan kemanusiaan.

# HAK KANAK-KANAK DALAM SISTEM KEADILAN JENAYAH DI MALAYSIA: SUATU TINJAUAN RINGKAS PERUNDANGAN

## PENGENALAN

“There can be no keener revelation of a society's soul than the way in which it treats its children.”

-Nelson Mandela-

Kenyataan di atas yang dibuat oleh tokoh terkemuka, Nelson Mandela jelas menunjukkan tahap kepentingan yang perlu diberikan kepada kanak-kanak oleh masyarakat dan negara dari semua aspek kehidupan. Di peringkat antarabangsa, pengiktirafan kepada hak kanak-kanak tercetus di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan kewujudan Konvensyen Hak Kanak-Kanak (HKK). Pada tarikh 17 Februari 1995, Malaysia telah menandatangani dan meratifikasi HKK dan berikutnya telah menggubal Akta Kanak-Kanak 2001 (AKK). Tidak dapat dinafikan bahawa, segala perkara yang dilakukan terhadap kelestarian kanak-kanak perlu bagi tujuan kepentingan terbaik kanak-kanak.

## PEMAKAIAN AKTA KANAK-KANAK 2001 (AKK)

AKK mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang berada di bawah umur lapan belas tahun. Maka, selagi seseorang itu adalah di bawah umur lapan belas tahun, individu terbabit merupakan seorang kanak-kanak dan mekanisme perundangan yang terkandung dalam AKK adalah terpakai.



Saravanan  
Meyappan

Kementerian  
Pembangunan  
Usahawan dan  
Koperasi, Putrajaya  
Email:msaravanan@  
medac.gov.my

## HAK KANAK-KANAK DALAM PROSES PENANGKAPAN, PENAHANAN DAN REMAN

Penggunaan gari ke atas kanak-kanak adalah tidak dibenarkan semasa ditangkap oleh pihak berkuasa. Kanak-kanak juga perlu dimaklumkan dengan alasan penangkapan tersebut dibuat dan ibu bapa atau penjaga atau saudara mara serta pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) perlu dimaklumkan secepat mungkin, alasan penangkapan serta hak untuk mendapatkan rundingan peguam. Sewaktu proses reman juga, kanak-kanak tidak boleh digari, ibu bapa atau penjaga serta pegawai JKM telah dimaklumkan dan kanak-kanak tersebut perlu diasingkan daripada suspek-suspek dewasa yang lain sepanjang tempoh berada dalam tahanan. Identiti kanak-kanak tidak boleh sama sekali direkodkan atau didedahkan ke pengetahuan umum.



## HAK KANAK-KANAK DALAM PROSES PERTUDUHAN JENAYAH DAN JATUH PERINTAH DI MAHKAMAH

Mahkamah yang mengendalikan dan mendengar kes-kes jenayah kanak-kanak ialah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak yang mana akses orang ramai kepada Mahkamah ini adalah tidak dibenarkan bagi melindungi hak privasi dan identiti kanak-kanak. Sewaktu pertuduhan dibacakan ke atas kanak-kanak, kanak-kanak perlu hadir bersama ibu bapa atau penjaga dan adalah tidak bergari. Pertuduhan akan diterangkan secara mudah dan ringkas untuk pemahaman kanak-kanak. Kanak-kanak juga adalah berhak kepada khidmat guaman.

Peranan penasihat dan penelitian laporan akhlak oleh Mahkamah merupakan dua aspek wajib dalam penentuan perintah terhadap kanak-kanak. Penggunaan terma sensitif "sabitan" dan "hukuman" tidak boleh digunakan oleh Mahkamah ke atas kanak-kanak. Hukuman mati juga tidak boleh dikenakan ke atas kanak-kanak bagi jenayah berat yang dilakukan. Kanak-kanak juga mempunyai hak untuk merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap sebarang perintah.

## PENDAPAT DAN SARANAN

Dalam pengalaman penulis, banyak pengabaian terhadap hak kanak-kanak berlaku sewaktu penahanan kanak-kanak oleh pihak berkuasa. Perkara seperti tangan kanak-kanak digari atau digari bersama suspek dewasa yang lain dan identiti kanak-kanak didedahkan kepada pihak media merupakan antara pelanggaran hak kanak-kanak yang serius. Misalnya, bagi proses reman kes kanak-kanak boleh dikendalikan terlebih dahulu sebelum kemasukan suspek dewasa yang lain ke tempat pendengaran reman. Ibu bapa atau penjaga kanak-kanak juga perlu dihubungi dengan segera tanpa kelewatan, kes diberikan keutamaan segera untuk siasatan dan berikutnya, kanak-kanak dilepaskan dengan jaminan polis bagi tujuan kehadiran di Mahkamah. Ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak pula wajib berada di sisi kanak-kanak bagi memberikan sokongan moral dan emosi sepanjang tempoh proses keadilan jenayah berlangsung. Rundingan akuan juga boleh dilakukan dengan pendakwaan bagi persetujuan terhadap pertuduhan atau hukuman bagi kes-kes jenayah berat.

## KESIMPULAN

Hak kanak-kanak bukanlah suatu ilusi atau mitos semata-mata. Hak kanak-kanak telah mendapat pengiktirafan antarabangsa yang mana suara mereka perlu didengari, diberikan penghormatan yang sama dengan orang dewasa dan layanan istimewa agar masa depan kanak-kanak terjamin. Walau apa jua tindakan, keputusan dan polisi yang dibuat, ianya perlu berlandaskan kepentingan terbaik kanak-kanak kerana kanak-kanak merupakan peneraju dan pewaris bangsa dan negara kelak.



# PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (AMLA)




**Muhamad Nazri  
Shaidon, CFI**

Penyiasat Kewangan  
Bertauliah/  
Mantan Pegawai  
Penyiasat (AMLA)  
Badan Berkanun  
Email: nazri007@gmail.  
com

## PENGENALAN

Pengubahan wang haram atau kini rata-rata di media sosial mengelarkannya sebagai 'cuci wang'. Adakah keduanya membawa maksud yang sama? jawapannya YA. Bersama rencana kali ini, saya akan mengupas secara umum apa yang dimaksudnya dengan pengubahan wang haram. Sebenarnya tanpa kita sedari banyak aktiviti pengubahan wang haram atau cuci wang ini berlaku semenjak Covid-19. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 telah diwartakan pada tahun 2001. Akta-akta ini merupakan akta utama yang memerangi aktiviti pengubahan wang haram di Malaysia.

Pengubahan hang haram merujuk kepada proses pengubahan hasil yang diperoleh daripada kegiatan haram supaya wang tersebut kelihatan bersih dan sah di sisi undang-undang. Analogi yang terbaik adalah konsep mesin basuh (washer machine). Baju yang kotor setelah dicuci dengan mesin basuh akan kelihatan bersih dan wangi. Begitu juga dengan konsep pengubahan wang haram. Duit atau harta yang dimiliki daripada aktiviti haram perlu dibersihkan atau dicuci. Kenapa? Bagi memastikan barang tersebut tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa dan memberikan gambaran bahawa mereka memperoleh duit dan harta tersebut daripada aktiviti yang sah di sisi undang-undang.



Gambarajah1: Konsep Pengubahan Wang Haram

Sehingga Oktober 2020, terdapat lebih kurang 459 kesalahan jenayah pengubahan wang haram yang dikesan oleh pihak berkuasa.

Ada (3) tiga tahap atau proses pengubahan wang haram dilakukan penjenayah untuk mengelak dikesan pihak berkuasa.

1

Proses Pertama merupakan proses penempatan. Penjenayah akan menempatkan wang yang diperoleh daripada aktiviti haram ke dalam institusi kewangan. Tujuan utama adalah untuk mengasingkan wang yang diperoleh daripada aktiviti haram tersebut.

2

Proses Kedua merupakan proses perlapisan. Pelapisan adalah konsep menerusi proses pusingan pelbagai peringkat yang kompleks termasuk menjadikan wang haram dengan memisahkan wang diperoleh melalui cara haram dengan mewujudkan lapisan yang kompleks dalam urus niaga kewangan. Tujuan utama perlapisan dilakukan adalah bagi menyukarkan transaksi dikesan oleh pihak berkuasa.

3

Proses Ketiga merupakan integrasi. Wang haram diserap ke dalam sistem kewangan dan ekonomi yang sah. Ia juga menjadikan wang haram seolah-olah diperoleh secara sah. Di sini selalunya penjenayah akan menggunakan duit tersebut untuk membeli hartanah, kenderaan, tas tangan, dan jam tangan mewah termasuklah penubuhan syarikat.

Maka segala harta yang diperoleh tersebut termasuklah sumbangan yang diberikan merupakan pengubahan wang haram dan jika disabitkan kesalahan boleh dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.

Kenapa? Ianya kerana segala harta dan aset datang daripada sumber yang haram iaitu daripada aktiviti dadah. Matlamat tidak pernah menghalalkan cara, walapun penjenayah mempunyai niat yang baik untuk menderma, tetapi selagi mana sumber dana datang daripada sumber haram maka ia

merupakan pengubahan wang haram.

Secara umumnya aktiviti pengubahan wang haram ini jika tidak dibendung di peringkat awal, ia akan membawa impak yang besar kepada sesebuah negara. Antaranya seperti:

1. Kenaikan kadar jenayah keseluruhan yang boleh mengancam keselamatan negara,
2. Menghalang pertumbuhan dan daya saing ekonomi,
3. Menjejaskan integriti dan reputasi sektor perniagaan dan kewangan, dan

Pengubahan wang haram berlaku apabila sumber harta atau dana (fund) yang diperoleh datang dari aktiviti-aktiviti haram. Ramai menganggap pengubahan wang haram hanya disebabkan oleh aktiviti rasuah. Sebenarnya, ia juga boleh datang dari sumber haram yang lain seperti penipuan, skim cepat kaya, pemedagangan orang, penyeludupan, insider trading, aktiviti dadah, lari cukai, perjudian, aktiviti senjata api dan lain-lain.

## KENAPA HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAMINI PERLU DICUCI?

Ianya bertujuan untuk mengelakkan aktiviti mereka dikesan, menyukarkan pihak berkuasa untuk mendakwa penjenayah terbabit. Selain itu, untuk mengelakkan perolehan tersebut daripada dirampas oleh pihak berkuasa dan untuk membolehkan penjenayah menikmati perolehan tersebut tanpa gangguan serta dikesan oleh pihak berkuasa.

Maka kesimpulannya, perkara yang perlu difahami oleh masyarakat umum apabila merujuk kepada pengubahan wang haram adalah sumber dana (source of fund) yang diperoleh. Sebagai contoh seorang penjenayah yang menerima duit daripada aktiviti dadah dan membelanjakan wang tersebut untuk membeli hartanah, kenderaan mewah, termasuklah memberi sumbangan (donation) kepada rumah anak yatim.

4. Meningkatkan kos menjalankan perniagaan dan operasi pelbagai sektor ekonomi.

Apa yang dikhuatiri semenjak Covid-19 banyak aktiviti penipuan, penyamaran sebagai pegawai Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tujuan penipuan. Maka banyak aktiviti akaun keldai (mule account) berlaku. Penjenayah ini akan menggunakan akaun bank pihak ketiga untuk menipu mangsa. Natijahnya mereka juga akan disiasat oleh pihak berkuasa dan juga dituduh di Mahkamah kerana bersubhat dalam aktiviti penipuan.

Siti Zaila Husin  
Universiti  
Kebangsaan  
Malaysia  
zaila@ppukm.ukm.  
edu.my



Nurfarahizzati  
Zakaria  
Universiti  
Kebangsaan  
Malaysia  
znurfarahizzati@  
gmail.com



Khadijah Alavi  
Universiti  
Kebangsaan  
Malaysia  
khadijah@ukm.edu.  
my




# PENGURUSAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA DARI PERSPEKTIF PEKERJA SOSIAL PERUBATAN

## PENGENALAN

Pandemik COVID-19 telah memberi impak peningkatan kes keganasan rumah tangga semasa dan selepas PKP. Kes keganasan rumah tangga menurun iaitu sebanyak 3,080 dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac 2020 hingga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga 31 Oktober 2020. Berdasarkan carta alir pada rajah 1.0, Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP) akan menerima kes yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan di Jabatan Kecemasan terlebih dahulu. Pegawai kes yang menerima rujukan akan membuat intervensi awal sama ada menghubungi pesakit atau mangsa melalui telefon atau terus ke Jabatan Kecemasan bagi membuat penilaian terus bersama mangsa. Mangsa akan menjalani proses penilaian biopsikososial dan terapi sokongan daripada PKSP.


Tindakan intervensi awal PKSP memastikan satu laporan polis telah dilakukan oleh mangsa. Jika mangsa tidak berkesempatan membuat laporan disebabkan oleh rasa ketakutan dan keadaan yang panik semasa ingin mendapatkan rawatan di hospital. Seandainya mangsa belum lagi membuat laporan polis, mangsa diminta untuk membuat laporan polis di pondok polis atau balai polis yang berhampiran tempat tinggal mangsa. Jika mangsa tidak mahu membuat tindakan sedemikian, terapi sokongan sosial akan diberikan oleh PKSP sebagai tanda sokongan moral dan nasihat kepada mangsa. Mangsa dinasihati agar dapat bertindak dengan bijak demi kepentingan dan kesejahteraan sosial dari masa ke masa. Sekiranya mangsa telah pun membuat laporan polis pula, PKSP perlu mengenal pasti sama ada mangsa (atau jika bersama anak-anak) memerlukan tempat perlindungan dan PKSP perlu merujuk kes mangsa ke rumah perlindungan.

Berdasarkan carta alir tersebut, jika PKSP dimaklumkan oleh mangsa bahawa rumah perlindungan tidak diperlukan maka PKSP perlu melakukan konsultasi lanjut iaitu membuat permohonan Interim Protection Order atau IPO kepada pesakit. IPO ini amat penting kepada mangsa sebagai rujukan punca kuasa untuk pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi melaksanakan tindakan seterusnya. PKSP akan memaklumkan kepada perujuk melalui maklum balas secara dalam talian atau secara bertulis berkenaan tindakan yang telah dilakukan bersama-sama mangsa. Tindakan susulan hanya akan diambil tindakan oleh PKSP sama ada melakukan lawatan ke rumah bagi mengambil perkembangan mangsa dan anak-anak.

## KESIMPULAN

Pengurusan kes keganasan rumah tangga merupakan sebuah rantaian proses yang penting oleh mangsa keganasan rumah tangga untuk mengatasi isu keganasan rumah tangga. Namun kaedah sedia ada kurang efektif dan klien sering menarik diri kerana laporan kes tidak lengkap. Kajian juga mencadangkan pelaporan bersepada antara mangsa, pegawai JKM, polis, pegawai perubatan sehingga ke peringkat mahkamah secara atas talian bagi memastikan keselarasan maklumat aduan mangsa tersampai dengan lebih tepat tanpa perlu berulang-ulang menceritakan sesuatu kes trauma kepada mangsa dan keluarga mereka

### CARTA ALIR PENGURUSAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA





JENAYAH DIBANTERAS, KOREKSIONAL DIPERKASA

## PERTUBUHAN KRIMINOLOGI DAN KOREKSIONAL MALAYSIA (MCCA)

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi SELANGOR  
Email: pkkm.rasmi@gmail.com  
Tel: 03-89213541 / 017-7873133  
Laman web: [www.mcca.my](http://www.mcca.my)